

## Syarikat dan Graduan Perlu Bersikap Positif: Norashikin

Terakhir dikemaskini: Isnin, 24 Julai 2017 17:06 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 670

Kongsi 0

Syorkan 0

Kongsi

Tweet

Share



**ISNIN, 24 JULAI –**

Masyarakat khususnya para graduan yang sedang dalam proses mencari kerja perlu bersikap positif dan mempunyai komitmen yang baik dalam memajukan diri agar diterima oleh majikan.

Untuk itu, Ketua Sekretariat Skim Latihan 1Malaysia (SL1M), Hajah Norashikin Datuk Haji Ismail memaklumkan, pelbagai syarikat melalui inisiatif SL1M bersedia melatih para graduan yang tidak berpengalaman agar menjadi lebih berdaya saing.

“Sepanjang program temu duga

terbuka ini juga terdapat lebih 5,000 jawatan kosong dan latihan yang ditawarkan untuk orang ramai khususnya masyarakat di negeri Sabah,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas merasmikan penganjuran Program Temu Duga Terbuka SL1M di Dewan Canselor, Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada Sabtu lalu.

Menurut Norashikin, SL1M juga kini telah diiktiraf negara luar sebagai langkah mengatasi masalah pengangguran dalam kalangan graduan ketika persidangan *United Nation Public Services Forum 2017* di Belanda pada bulan Jun lepas.

“Syarikat-syarikat dari luar negara yang berpangkalan di Kuala Lumpur mulai datang ke Unit Perancang Ekonomi (EPU) di Jabatan Perdana Menteri untuk bertanyakan tentang prosedur dan manfaat penyertaan SL1M,” katanya.

Justeru, beliau turut menyeru agar syarikat-syarikat lain di Malaysia bersikap positif dan mengambil peluang menyertai Program SL1M dengan menawarkan latihan-latihan kepada para pencari kerja khususnya kepada para graduan.

Hadir sama, Naib Canselor UMS, Prof. Dr. D Kamarudin D Mudin dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Dr. Ismail Ali.

Program yang berakhir kelmarin itu disertai 43 syarikat terkemuka dari seluruh negara.

Oleh Elfiah Jekius (Pelajar Latihan Industri BPK)